

**Toleransi Beragama dan Implikasinya di Kalangan Mahasiswa/i Muslim
dan Buddha di Prince of Songkhla University
(Religious tolerance and its Implication on Muslims and Buddhists
students of Prince Songkla University)**

Mutsalim Khareng* & Jaffary Awang

*Department of Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies,
National University of Malaysia, Malaysia.*

*habba_yabnee@hotmail.com**

ABSTRAK

Fenomena konflik yang sering muncul dalam sesebuah masyarakat yang berbeza agama, kaum dan negara menggambarkan bahawa perlunya suatu sikap untuk menyelesaikan permasalahan itu. Para sarjana bersetuju bahawa sikap toleransi beragama adalah satu pendekatan bagi menangani masalah tersebut. Dalam konteks mahasiswa/i di Prince of Songkhla University yang terdiri dari Muslim dan Buddha mereka saling berinteraksi antara satu sama lain. Persoalannya sejauhmana wujudnya sikap keterbukaan ataupun toleransi beragama di kalangan mereka? Artikel ini bertujuan untuk melihat tahap toleransi beragama berdasarkan sikap pergaulan antara pelajar yang berbeza agama, sikap hormat menghormati terhadap ajaran agama lain, sikap hormat menghormati terhadap pandangan ataupun pemikiran penganut agama lain dan sikap hormat-menghormati terhadap pengamalan adat budaya penganut agama lain. Pendekatan yang digunakan dalam kajian iaitu pendekatan kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan kaedah edaran soal selidik dan temubual. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa sebahagian besar mahasiswa/i mempunyai sikap toleransi beragama pada tahap yang tinggi dengan mencapai 80 peratus, manakala hanya 20 peratus sahaja berada pada tahap sederhana. Dapatkan ini bermakna secara umumnya aspek pergaulan memberi kesan yang baik terhadap proses pembentukan sesebuah komuniti yang penuh dengan toleransi beragama.

Kata kunci: Toleransi agama, interaksi, sikap beragama

ABSTRACT

The phenomenon of conflicts that often emerge in a society with different religions, races and nations suggests that there is a need having an attitude to resolve the problems. Most scholars agree that religious tolerance attitude is the best approach to solving this problem. In the context of students at the Prince Songkhla university consisting of Muslims and Buddhists, they always have a good interaction among each other. The question is to what extent the existence of religious tolerance or openness Muslims and Buddhists? The purpose of this article is to examine the level of religious tolerance based on interaction between students who belong to different religion, the attitude of respect towards other religions, the openness attitude towards difference views or difference religious followers' thought and respect towards the practices of other religious followers' culture. The approach of this study is qualitative and quantitative by using questionnaire distributions and an interview. The study shows that most of the students have an attitude of religious tolerance at a high level to reach 80 percent, while 20 percent are at the moderate level. The results have shown that the interaction aspects contribute upon the development of religious tolerance among the community.

Keywords: Religious tolerance, interaction, religious attitude

PENDAHULUAN

Islam adalah agama yang selari dengan fitrah manusia. Justeru, Islam mengajar penganutnya selalu berusaha untuk memelihara kehidupan manusia secara menyeluruh tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan. Dalam masa yang sama, Islam mengajar umatnya supaya bersedia untuk mempertahankan sebarang ancaman, kezaliman dan penganiayaan yang membahayakan keamanan dan keselamatan manusia.

Islam telah menerima kenyataan bahawa wujudnya orang-orang bukan Islam dan juga merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat. Kewujudan orang-orang bukan Islam di dalam masyarakat Islam merupakan suatu yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t. kerana Allah s.w.t. memberikan kebebasan kepada manusia untuk memilih kepercayaan masing-masing (Ainon 2003: 25). Allah s.w.t. berfirman dalam surah al-Kahfi yang bermaksud:

*Dan Katakanlah (wahai Muhammad): “Kebenaran itu ialah yang datang dari Tuhan kamu,
maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman; dan sesiapa yang mahu kufir ingkar,
biarlah dia mengingkarinya”.*

Pengertian dari ayat di atas secara keseluruhannya menggambarkan bahawa Islam memberi kebebasan kepada setiap manusia sama ada untuk beriman ataupun tidak. Manusia juga diberi peluang untuk berfikir serta memilih antara yang benar dan yang tidak benar. Demikianlah lazim disebutkan dengan istilah “toleransi beragama” .

TOLERANSI MENURUT ISLAM

Islam adalah agama yang sinonim dengan perkataan mutasamihin iaitu pemaaf, penerima dan pemurah, tetapi ini bukan bermakna Islam menerima segala apa yang dilakukan, tetapi Islam menerima hanya perkara-perkara yang tidak bercanggah dengan agama sahaja. Sementara perkara yang bercanggah dengan agama, harus ditinggalkan. Demikian juga bukan bermakna Islam mengaku kalah kepada musuh atau lawannya, sebaliknya mutasamihin iaitu pemaaf dan pemurah dalam Islam membuktikan bahawa Islam mempunyai kekuatan dalaman (jiwa) yang dapat mengawal nafsu amarahnya yang boleh mendatangkan kesan negatif kepada tindakannya. Ketenangan jiwa itu, merupakan tenaga yang dapat menundukkan dan mengalahkan musuh dengan kebijaksanaan dan sebagai benteng yang dapat menahan hasutan syaitan (Abdul Rahman Rukaini 2001: 16).

Menurut al-Qardawi, toleransi beragama dalam Islam dibahagikan kepada tiga peringkat. Peringkat pertama merupakan peringkat yang paling rendah iaitu membiarkan orang yang berlainan agama untuk memilih agama atau kepercayaannya (kebebasan beragama). Ini bermakna, tidak memaksa untuk menganuti sesuatu agama dengan berbagai penekanan seperti ugutan membunuh, menyeksa ataupun merampas harta-benda. Peringkat yang kedua adalah peringkat sederhana iaitu memberi hak untuk menganut agama ataupun memilih kepercayaan yang disukainya, di samping tidak memaksa untuk meninggalkan sesuatu yang dipercayainya sama ada perkara itu wajib ataupun haram. Seterusnya, peringkat yang ketiga adalah peringkat toleransi beragama yang paling tinggi iaitu tidak melarang orang yang menganut agama lain dalam melakukan sesuatu upacara yang telah dihalalkan oleh agama mereka, walaupun perkara yang dilakukan itu diharamkan oleh agama lain (al-Qardawi 1989: 60-61). Kenyataan demikian, dapat difahamkan bahawa Islam menitikberatkan tentang toleransi beragama dalam hidup bergaul, di samping Islam memberi peluang bebas kepada setiap manusia untuk menganut agama dan memilih kepercayaan berdasarkan keyakinannya sendiri tanpa ada sebarang penekanan.

Secara tegasnya al-Qur'an mengaku bahawa Islam adalah agama yang benar (yang diridhai oleh Allah s.w.t.), sebagai mana firman Allah s.w.t. dalam surah Ali-'Imran ayat 19 yang bermaksud:

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah s.w.t. ialah Islam.

Walaupun Islam mengaku bahawa hanya agama Islam yang benar, akan tetapi dalam keadaan yang sama Islam menerima wujudnya pelbagai agama di dunia sebagai suatu realiti (Sayyid Qutb 1980: 177). Ini dijelaskan dalam surah al-Baqarah ayat 256 yang bermaksud:

Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); Sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat.

Pengertian daripada ayat di atas dapat difahamkan bahawa Islam diberi hak kebebasan kepada setiap manusia untuk memilih kepercayaan tanpa paksaan. Walaupun telah jelas bahawa hanya agama Islam yang dijamin akan keselamatan hidup di dunia dan akhirat, namun setiap manusia diberi hak untuk menentukan masa depan hidupnya sendiri. Sekiranya manusia mampu menggunakan akal dan pancaindera yang ada pada dirinya untuk melihat kebesaran Allah s.w.t. dan berkeyakinan tentang kebesaran-Nya maka ia akan diperolehi hidayat baginya, akan tetapi jika tidak itu adalah balasan baginya.

Ini bermakna perbezaan agama, bangsa, warna kulit dan keturunan tidak menjadi penghalang untuk hidup bersama sebagai sebuah keluarga. Sehubungan dengan itu, setiap manusia memiliki hak kemanusiaan yang sama seperti berhak mendapat layanan dan pergaulan yang baik, berhak untuk hidup dan mencapai apa yang di mungkinkan oleh potensi kemampuan peribadinya. Akan tetapi setiap pergerakan harus bersikap tanggungjawab dan sentiasa dipandukan dengan nilai-nilai atau norma yang telah ditetapkan bersama.

Merujuk kepada aspek asas pemikiran toleransi dalam Islam pula, antara dasar sikap toleransi yang menguasai diri seorang Muslim dalam pergaulan dengan orang yang bukan Islam adalah merujuk kepada hakikat yang disemaikan oleh Islam sendiri. Antaranya ialah kepercayaan bahawa Allah s.w.t. menyuruh hamba-Nya bersikap adil, keyakinan bahawa setiap manusia mempunyai persamaan tentang kemuliaan diri manusia (tanpa mengira agama, warna kulit dan keturunan), kepercayaan bahawa Islam memberi kebebasan kepada semua manusia untuk menganut agama dan memilih kepercayaannya (al-Qardawi 1989: 70-73). Sementara menurut Abdul Rahman Rukaini (2001) antara dasar sikap toleransi dalam Islam adalah keyakinan terhadap kebaikan di sebalik kejahanan sesuatu yang dilakukan oleh penganut agama lain. Oleh itu, Islam sering mengajar penganutnya harus bersikap pemaaf dalam hidup bergaul dengan penganut agama lain. Sikap pemaaf yang mempunyai hati budi yang luhur dan peri kemanusiaan yang unggul serta menghargai hak orang lain.

Secara keseluruhan dapat dirumuskan bahawa toleransi mengandungi sifat-sifat tolak ansur, sabar, seimbang, timbang rasa, lemah lembut, waspada dan bijaksana. Selain itu, ia sebagai satu sikap keterbukaan yang boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk seperti menghormati kepelbagaian idea, budaya dan agama, bersikap pemurah dan keterbukaan untuk mendengar pandangan yang berbeza dan tidak menjelaskan pandangan agama masing-masing dalam ruang lingkup yang dipersetujui bersama atau dengan kata lain tindakan yang tidak bertentangan dengan norma-norma perdamaian dalam masyarakat akhirnya akan membentuk kepercayaan bersama.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sikap toleransi boleh dianggap sebagai satu kaedah untuk mengurus konflik dalam sesebuah masyarakat yang mempunyai pelbagai perbezaan. Perbezaan tersebut, samada dari sudut perbezaan agama, etnik, budaya, ataupun moral, kerana tidak mungkin semua orang sanggup menerima perbezaan itu yang wujud dalam kehidupan sehari-hari. Oleh itu, konflik ataupun krisis dalam kehidupan boleh berlaku apabila sikap paksaan timbul dari satu kumpulan terhadap kumpulan yang lain. Selain itu, toleransi juga merupakan satu pra-syarat yang utama bagi sesiapa yang ingin kehidupan yang aman, damai dan tenteram. Dengan itu, akan terwujud interaksi dan kesefahaman yang baik di kalangan masyarakat beragama.

Fenomena konflik yang berlaku di Selatan Thai merupakan titik tolak awal yang menginginkan pengkaji untuk mengenal pasti sejauhmana sikap keterbukaan ataupun toleransi beragama wujudnya antara penganut Islam dan Buddha khususnya di kalangan mahasiswa/i di Prince of Songkhla University PSU. Konflik di Selatan Thai banyak memberi kesan negatif terhadap penduduk. Akhir-akhir ini, ternyata bahawa sikap prejedis terhadap pengamalan agama, adat dan budaya selalu muncul di kalangan pelajar yang mungkin boleh menimbulkan kesalahfahaman dan pertelingkahan dalam hidup sehari-hari. Oleh itu, hal demikian menarik pengkaji untuk mengenal pasti sejauh mana wujudnya tahap toleransi beragama di kalangan pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan kualitatif, pengkaji menjalankan kajian kepustakaan untuk mendapatkan data maklumat yang tepat lagi primer. Manakala pendekatan kuantitatif pula, pengkaji menjangka beberapa keadaan antaranya ialah reka bentuk kajian, pemilihan kawasan kajian, pemilihan sample, pengumpulan data dan penganalisaan data.

Reka Bentuk Kajian

Kaedah tinjauan merupakan strategi penyelidikan yang amat penting untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Kajian ini, merupakan satu kajian penilaian tahap interaksi dan komunikasi dalam kalangan pelajar. Justeru, pengkaji menggunakan kaedah tinjauan sebagai langkah awal kajian kerana ia merupakan kaedah mengumpul data untuk menghurai, membanding dan menjelaskan tentang pengetahuan, sikap, amalan dan tingkah laku. Kaedah tinjauan juga merupakan satu bentuk yang boleh digunakan untuk mengumpul data atau maklumat bagi tujuan perancangan masa depan atau sebagai satu panduan untuk menganalisa hubungan antara pembolehubah-pembolehubah. Selain itu, ia adalah kaedah yang terbaik digunakan dalam kajian yang bertujuan mencari serta mengumpul maklumat mengenai perasaan, motivasi, perancangan, kepercayaan, personal, pendidikan atau berkenaan sesuatu program terus daripada responden (Norasmah 2002: 156-157).

Kaedah ini telah dilaksanakan oleh pengkaji sejak peringkat awal kajian untuk memastikan pengkaji benar-benar mengetahui dan memahami kumpulan dan masalah yang ingin dikaji. Bagi mendapatkan maklumat yang tepat, pengkaji telah melakukan tinjauan dan pemerhatian turut serta samaada dari sudut kehidupan sehari-hari mahasiswa/i. Memandangkan pengkaji merupakan penduduk yang tinggal di kawasan kajian, keadaan demikian dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan mendalam. Walaupun tumpuan komuniti responden dalam kajian ini kepada mahasiswa/i yang berbeza agama tetapi keadaan demikian tidak menjadi halangan bagi pengkaji kerana salah satu kelebihan pengkaji ialah dapat menguasai bahasa tempatan (Bahasa Thailand).

Dalam kajian ini juga, pengkaji menjalankan kaedah kajian kualitatif yang cenderung kepada metode pengumpulan data melalui penganalisaan dokumen (Ahmad 2011: 26). Kaedah ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat serta memahami konsep-konsep yang berkaitan dengan skop ataupun bidang kajian. Di samping, pengkaji telah meneliti secara mendalam terhadap hasil-hasil kajian para serjana yang terdahulu bertujuan untuk memastikan kebenaran yang ingin dilakukan oleh pengkaji supaya dapat mengelakkan daripada kesalahfahaman terhadap masalah yang dikaji. Namun begitu, terdapat kepelbagaiannya bahan-bahan yang telah dikumpul oleh pengkaji sama ada berupa buku-buku ilmiah, majalah-majalah ilmiah, dokumen-dokumen, disertasi, tesis dan sumber-sumber yang lain yang relevan dengan topik atau masalah yang sedang dikaji.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik dan temu bual kerana dua-dua kaedah ini sesuai dengan konteks kajian sebagaimana petikan Norasmah dalam buku yang ditulis oleh Oppenheim (1966) dan Tuckman (1978) yang menyatakan bahawa soal selidik dan temu bual merupakan dua bentuk instrumen yang berkesan bagi memperoleh maklumat daripada responden selain membuat pemerhatian. Kedua-dua bentuk instrumen diperincikan seperti di bawah ini:

Soal selidik

Kaedah pengedaran soal selidik adalah kaedah yang paling banyak dan popular digunakan dalam bidang sains sosial. Ia digunakan bersama dengan kaedah-kaedah yang lain seperti pemerhatian turut serta dan temu bual bagi menguatkan lagi maklumat penyelidikan. Menurut Norasmah (2002) soal selidik perlu dibina dengan teliti, jelas, mudah difahami serta ringkas. Sehubungan dengan itu, peluang mendapat jawapan yang tidak tepat mungkin kurang berlaku kecuali responden tidak membaca soalan dengan baik.

Soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal selidik hendaklah mengandungi perkara-perkara yang berkaitan dengan tujuan yang ingin dikaji. Soalan-soalan dalam soal selidik juga hendaklah tidak melibatkan perkara-perkara yang sensitif termasuk sensitiviti tempatan, agama, bangsa dan politik. Selain itu, soal selidik hendaklah tidak bertindan antara satu sama lain sama ada dari aspek maksud ataupun frasa dan susunan soalan-soalan dalam soal selidik hendaklah disusun dalam bentuk susunan yang betul dan mudah difahaminya (Ahmad 2011: 60).

Dalam soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah bahagian A mengenai latar belakang demografi yang mengandungi umur, tahun pengajian, tahap pengajian, jantina, agama, tempat tinggal dan individu/kumpulan yang berlainan agama. Bahagian yang kedua ialah bahagian B, mengandungi 10 item persepsi pelajar tentang sikap terhadap toleransi beragama. Dalam bahagian ini merujuk kepada empat aspek iaitu sikap pergaulan antara pelajar yang berbeza agama, sikap hormat menghormati terhadap ajaran agama lain, sikap hormat-menghormati terhadap pandangan ataupun pemikiran penganut agama lain dan sikap hormat-menghormati terhadap pengamalan adat budaya penganut agama lain. Berdasarkan kajian ini, mengukur sikap dan persepsi responden terhadap toleransi beragama dalam kalangan mahasiswa/i. Justeru, pengkaji membinakan soal selidik dengan menyediakan pemilihan jawapan-jawapan berbentuk skala likert. Oleh kerana skala ini sesuai untuk menilai tahap penerimaan atau penolakan responden terhadap sesuatu pertanyaan yang dikemukakan (Jaffary 2007: 106).

Temu bual

Kaedah temu bual secara langsung mendapatkan maklumat berbentuk pandangan daripada responden. Dalam konteks ini berlaku hubungan dua hala iaitu antara penyelidik dengan responden.

Seterusnya, maklumat melalui temu bual terhasil apabila terdapatnya meklumat yang dicari, kefahaman yang jelas daripada responden serta wujudnya semangat untuk menjawab. Terdapat beberapa kelebihan dalam kaedah temu bual ini, antaranya ialah penyelidik mendapatkan maklumat lebih cepat dan langsung, maklumat lebih meyakinkan kerana ia dapat diperhatikan kepada sikap atau tingkah laku responden. Juga memberikan suasana fleksible kepada penyelidik untuk menyoal soalan dan memberikan ruang yang lebih kepada responden menjawab soalan (Ahmad 2011: 65). Petikan Norasmah dalam kajian Rae (1999) menyatakan tentang kebaikan menggunakan kaedah temu bual ini iaitu kebolehan bersoal jawab, mendapat penerangan jelas berkenaan sesuatu perkara dengan lebih baik serta mendalam, pendekatan yang lebih luwes bergantung kepada keadaan, dapat jumlah responden lebih baik serta peserta dapat menerima kepentingan penilaian (Norasmah 2002: 159-160).

Kaedah temu bual ini juga merupakan satu metode yang berkesan untuk mempelajari individu, terutamanya tentang pemikiran dan pandangan mereka terhadap perihal yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari mereka juga untuk mempelajari tentang bagaimana situasi yang berlaku itu boleh mempengaruhi kehidupan mereka. Oleh itu, menjadi tanggungjawab yang penting oleh pengkaji untuk meneliti dan memahami terlebih dahulu perkara yang diperlukan dalam sesi temu bual itu. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan dua bentuk temu bual iaitu temu bual tidak berstruktur semasa pengedaran soal selidik iaitu pengkaji memulakan temu bual dengan huraihan dan pengenalan secara ringkas mengenai permasalahan kajian dan responden diminta untuk memberikan responnya. Ia dikenali tidak berstruktur kerana tiada peruntukan masa diberikan untuk proses temu bual dan soalan-soalan diberikan secara bebas tanpa susunan. Terdapat beberapa kelebihan temu bual secara tidak berstruktur ini, antaranya ialah penyelidik boleh melatih pembantu penyelidik untuk menemu bual bagi pihaknya kerana kelayakan yang khusus tidak diperlukan untuk menemu bual, penemuramah dan responden berkeadaan natural dan selera serta dapat menerokai banyak maklumat kerana perbualan tidak tertumpu untuk menjawab soalan kajian semata-mata (Ahmad 2011: 66).

Bentuk temu bual kedua yang dilakukan dalam kajian ini ialah temu bual melalui telefon. Kaedah ini popular digunakan di negara-negara maju terutamanya dalam mengenal pasti pendapat umum terhadap sesuatu isu. Ia membantu pengkaji berhubung secara terus dan cepat dengan responden, serta dapat mengelak daripada pergi ke sesuatu tempat bagi mendapatkan maklumat. Kaedah ini juga membantu pengkaji untuk mendapatkan sampel pada lokasi yang lebih luas. Akan tetapi semasa temu bual dilakukan oleh pengkaji sama ada bersemuka atau melalui telefon, pengkaji harus mengatasi beberapa kelemahan seperti kesahihan maklumat yang disampaikan oleh responden. Responden mungkin ditekan oleh perasaan takut, malu dan sebagainya. Selain itu, faktor penemu bual yang keletihan, menghadapi gangguan emosi, bias terhadap orang lain menyebabkan jawapan-jawapan dalam temu bual tidak sempurna (Ahmad 2011: 68). Golongan yang dipilih untuk ditemu bual antaranya golongan pimpinan pelajar dalam universiti, empat orang dari kalangan pensyarah, petugas hal ehwal pelajar dan wakil mahasiswa/i dalam universiti.

Kajian Rintis Untuk Menilai Kebolehpercayaan Instrumen

Nilai kebolehpercayaan instrumen perlu ditentukan untuk mengenal pasti tahap ketepatan dalam item-item yang digunakan dalam instrumen sesuatu kajian. Untuk tujuan ini, nilai kebolehpercayaan instrumen telah diuji dengan menggunakan Cronbach Alpha, kerana nilai tersebut merupakan angkali kebolehpercayaan (Reliability coefficient) yang menunjukkan kesesuaian item-item sebagai satu set soalan. Semakin hampir nilai alpha kepada satu (1) bermakna semakin tinggi nilai kebolehpercayaan. Manakala nilai alpha yang kurang daripada 0.6 dianggap lemah dan nilai alpha 0.7 boleh diterima (Dearana 2010: 76).

Jadual 1 Nilai pekali kebolehpercayaan alpha cronbach bagi setiap konstruk

Konstruk	Bil Item	Nilai Alpha Cronbach
Sikap terhadap toleransi beragama	10	0.9362
Jumlah Keseluruhan	10	0.9362

Sumber: Soal Selidik 2011

Dapatkan di atas adalah hasil data yang diperolehi daripada ujian kebolehpercayaan secara keseluruhan nilai kebolehpercayaan bagi instrumen-instrumen yang digunakan dalam kajian ini didapati bahawa kesemua instrument mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan sah digunakan untuk kajian sebenar.

Pemilihan Sampel

Pemilihan sampel merupakan salah satu perkara yang penting dalam mana-mana kajian kuantitatif kerana ia adalah sumber data pengkaji. Pengkaji perlu memastikan bahawa sampel yang dipilih dapat memberikan sumber data yang tepat untuk menghasilkan kajian yang benar-benar itu (Faiz 2009: 8). Pemilihan sampel juga merupakan satu prosedur untuk memilih atau memutuskan subjek manakah daripada populasi akan digunakan sebagai sample kajian. Generalisasi tentang populasi dibuat hasil daripada kajian atau penelitian terhadap sampel-sampel terpilih. Tujuan sampel dipilih adalah untuk menjimatkan kos dan masa serta mengelak ketidakmungkinan penyelidik untuk mengumpul maklumat dari semua populasi (Ahmad 2011: 70).

Sampel yang digunakan dalam kajian ini terdiri dalam kalangan pelajar yang belajar pada peringkat universiti. Sebelum pengedaran soal selidik dijalankan, pengkaji mengsyaratkan ke atas sesiapa sahaja yang akan menjadi responden dalam kajian ini supaya dapat memastikan bahawa maklumat atau data-data yang diperolehi seimbang dengan topik kajian. Antara syaratnya ialah responden harus menjadi anak tempatan ataupun dilahirkan di kawasan kajian serta mempunyai kawan-kawan yang berbeza agama dengannya.

Pemilihan populasi dan sampel dalam kajian ini dilakukan mengikut Jadual Krejcie & Morgan iaitu kadar populasi (N) dan sampel (S). Justeru, populasi kajian mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan secara keseluruhan didapati seramai 1,534 orang maka responden dalam kajian ini ialah seramai 300 orang.

Semasa pengedaran soal selidik dijalankan, pengkaji mengedarkan soal selidik mengikut teknik Persampelan Probabiliti iaitu ia memberi peluang yang sama kepada setiap subjek populasi untuk dipilih sebagai sampel kajian. Kaedah ini dapat mengelak daripada unsur-unsur bias pemilihan sampel kerana ia mewakili populasi kajian dan akhirnya generalisasi yang dilakukan dapat diterima dengan saintifik. Dalam teknik Persampelan Probabiliti ini, terdapat beberapa kaedah antaranya ialah Persampelan Rawak Mudah, Persampelan Rawak Sistematik, Persampelan Rawak Berlapis, Persampelan Rawak Berkelompok. Justeru, dalam konteks kajian ini pengkaji memilih kaedah Persampelan Rawak Mudah iaitu sampel kajian dipilih daripada populasi secara Fishbowl Draw dengan memasukkan semua nama subjek ke dalam satu bekas dan cabutan dibuat berdasarkan kepada jumlah sampel yang hendak digunakan (Ahmad 2011: 73-77).

Pengumpulan Data

Semasa pengedaran soal selidik dijalankan, pengkaji memberi tempoh dan peluang kepada responden untuk menjawab soalan-soalan selama masa seminggu supaya semua jawapan daripada soalan

yang dikemukakan dapat mencapai objektif kajian. Proses pengumpulan soal selidik dalam kajian ini dilakukan pada bulan Januari hingga bulan Februari 2011. Setelah tempoh pemulangan soal selidik ditamatkan, pengkaji mengumpulkan semua set soal selidik dan membahagikan mengikut agama iaitu Islam dan Buddha. Seterusnya, semua set soal selidik disemak pada setiap helaian soalan dengan sendiri bagi memastikan semua soalan dijawab mengikut arahan.

Setelah mana pengkaji menjalankan pengumpulan dan semakan tersebut, didapati bahawa 300 set soal selidik yang telah diedarkan, sebanyak 245 set sahaja yang telah dikembalikan. Menurut Cohen dan Manion dalam kajian Norasmah (2002), kadar pulangan soal selidik antara 70 peratus hingga 80 peratus adalah mencukupi. Justeru, kadar pulangan soal selidik ini adalah menepati sasaran melebihi 70 peratus. Dalam kajian ini, pengkaji memilih hanya 200 set soal selidik sahaja supaya memudahkan pengkaji menjalankan analisis data SPSS. Walaupun masih lagi terdapat beberapa set soal selidik yang dijawab dengan lengkap, sempurna dan boleh diguna dalam kajian ini.

Walaupun bilangan responen agak kecil, tetapi pengkaji berpendapat bahawa bilangan ini dapat mewakili keseluruhan jumlah pelajar. Oleh kerana pengkaji berpegang kepada komen Fasold terhadap kajian yang telah dilakukan oleh Gal dalam Faiz (2009) yang ternyata bahawa jumlah responden bukanlah penentu kepada kesahan sesebuah kajian itu. Sebaliknya, masih terdapat perkara-perkara lain yang perlu diambil kira, seperti tinjauan yang menyeluruh terhadap komuniti yang dikaji dan sebagainya (Faiz 2009: 9). Seterusnya semua set soal selidik diproses dengan menggunakan perisian program Statistical Packages For Social Science (SPSS). Data-data ini dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi.

Penganalisaan Data

Analisis data kajian perlu dilaporkan secara jelas dan kemas lagi memudahkan pembaca memahami dan menghayati hasil kajian. Bagi analisis penyelidikan kuantitatif, walaupun tidak mempunyai format yang boleh dipersetujui oleh semua pengkaji dalam pelbagai bidang kajian, laporan biasanya boleh ditulis mengikut format-format tertentu (Chau 2008: 328). Oleh itu pengkaji memilih kaedah laporan berbentuk gambarajah dan jadual yang menjelaskan taburan skor min, sisihan piaawai, kekerapan dan peratusan. Selain itu, tujuan kajian ini juga untuk melihat hubungan antara pola interaksi dan komunikasi yang berdasarkan amalan agama dan orientasi akhlak dalam kalangan mahasiswa/i dengan sikap terhadap toleransi beragama. Justeru, analisis inferensi korelasi juga dilakukan untuk melihat tahap manakah wujudnya hubungan tersebut.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Sikap Terhadap Toleransi Beragama

Sikap terhadap toleransi beragama dalam kajian ini merujuk kepada persepsi pelajar terhadap pengamalan tentang toleransi beragama dalam pergaulan dengan rakan yang berbeza agama, hormat terhadap ajaran agama lain, sikap hormat terhadap pandangan ataupun pemikiran pengikut agama lain dan hormat terhadap adat budaya agama lain. Secara keseluruhannya, hasil analisis kajian seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2 di bawah.

Jadual 2 Taburan skor min dan sisihan piawai bagi sikap terhadap toleransi beragama

Bil	Item	Kekerapan & Peratusan (N=200)					Min&SP	Int
		STS	TS	KS	S	AS		
A1	Saya suka membaca bahan-bahan berkaitan dengan cara hidup dalam masyarakat berbeza agama.	1.0 (8)	17.0 (34)	51.0 (102)	17.5 (35)	10.5 (21)	3.13 0.95	Sederhana
A2	Saya menghormati prinsip-prinsip agama lain.	2.5 (5)	4.5 (9)	35.5 (71)	38.0 (76)	19.5 (39)	3.67 0.92	Tinggi
A3	Saya menghormati upacara agama yang dilaksanakan oleh rakan yang bukan seagama dengan saya.	3.5 (7)	4.5 (9)	29.0 (58)	41.5 (83)	21.5 (43)	3.73 0.96	Tinggi
A4	Saya menghormati pandangan rakan bukan seagama dengan saya.	1.0 (4)	2.0 (4)	17.0 (34)	54.0 (108)	25.0 (50)	3.98 0.82	Tinggi
A5	Saya selalu berbincang dengan rakan bukan seagama dengan saya samada hal pengajian ataupun hal agama.	1.5 (3)	13.0 (26)	39.0 (78)	32.5 (65)	14.0 (28)	3.44 0.93	Sederhana
A6	Saya selalu menghormati adat atau budaya yang diamalkan oleh rakan yang bukan seagama dengan saya.	-	4.5 (9)	28.5 (57)	42.5 (85)	24.5 (49)	3.87 0.83	Tinggi
A7	Saya selesa makan semeja dengan rakan bukan seagama dengan saya.	2.5 (5)	5.5 (11)	21.5 (43)	44.5 (89)	26.0 (52)	3.86 0.95	Tinggi
A8	Saya suka menderma tanpa mengira agama.	2.5 (5)	5.5 (11)	31.5 (63)	33.0 (66)	27.5 (55)	3.77 0.99	Tinggi
A9	Saya tidak prejudis terhadap penganut agama lain.	3.5 (7)	10.5 (21)	22.5 (45)	39.5 (79)	24.0 (48)	3.70 1.05	Tinggi
A10	Saya menziarahi orang sakit tanpa mengira agama.	1.0 (4)	1.5 (3)	17.5 (35)	44.0 (88)	35.0 (70)	4.08 0.87	Sederhana
	Min Keseluruhan						3.73 0.70	


Sumber: Soal selidik 2011

Jadual 2 di atas menunjukkan skor min dan sisisian piawai bagi menjelaskan sepuluh item. Berdasarkan jadual tersebut, daripada sepuluh item mengenai sikap terhadap toleransi beragama dalam kalangan pelajar, terdapat lapan item mencapai skor min tinggi terdiri daripada sikap hormat terhadap ajaran agama lain (item A2, A3) mencapai skor min ($\text{min}=3.67, \text{sp}=0.92$; $\text{min}=3.73, \text{sp}=0.96$); sikap hormat terhadap pandangan ataupun pemikiran penganut agama lain (item A4) mencapai skor min ($\text{min}=3.98, \text{sp}=0.82$); sikap hormat terhadap adat dan budaya agama lain (item A6) mencapai skor min ($\text{min}=3.87, \text{sp}=0.83$) dan pengamalan tentang toleransi beragama dalam hidup bergaul dengan rakan yang berbeza agama (item A7, A8, A9 dan A10) mencapai skor min ($\text{min}=3.86, \text{sp}=0.95$; $\text{min}=3.77, \text{sp}=0.99$; $\text{min}=3.70, \text{sp}=1.05$ dan $\text{min}=4.08, \text{sp}=0.87$). Selebihnya pula, dua item yang mencapai skor min pada tahap sederhana iaitu (item A1, A5) mencapai skor min ($\text{min}=3.13, \text{sp}=0.95$; $\text{min}=3.44, \text{sp}=0.93$). Secara keseluruhannya, responden dalam kajian ini mempunyai sikap terhadap toleransi beragama di kalangan pelajar pada tahap tinggi dengan mencapai skor min secara keseluruhan ($\text{min}=3.73, \text{sp}=0.70$).

Sikap terhadap toleransi beragama dalam kalangan pelajar

Secara keseluruhan taburan kekerapan min bagi soalan kajian berkaitan persepsi kendiri pelajar tentang sikap terhadap toleransi beragama seperti digambarkan dalam rajah 1 di bawah.

Rajah 1 Taburan sikap terhadap toleransi beragama dalam kalangan pelajar



Sumber: Soal selidik 2011

Berdasarkan rajah 1 di atas menunjukkan bahawa sikap terhadap toleransi beragama berada pada tahap baik (80% pada tahap tinggi dan hanya 20% berada pada tahap sederhana). Ini bermakna responden mempunyai sikap toleransi beragama yang tinggi dalam pergauluan dengan rakan yang berlainan agama, hormat terhadap ajaran agama lain, hormat terhadap pandangan ataupun pemikiran penganut agama lain dan hormat terhadap adat budaya agama lain.

Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai sikap terhadap toleransi beragama yang baik. Sikap tersebut merujuk kepada aspek pergauluan dengan penganut agama lain, sikap hormat-menghormati terhadap ajaran agama lain, sikap hormat-menghormati terhadap pandangan ataupun pemikiran penganut agama lain dan hormat-menghormati terhadap adat budaya agama lain. Berdasarkan hasil temu bual yang telah dijalankan oleh pengkaji dalam kalangan enam orang responden yang profesional bahawa pihak universiti memainkan pelbagai peranan untuk menanamkan cinta kasih sayang dan membentuk perdamaian di kalangan pelajar antara penganut Islam dan Buddha.

Antara yang sering dianjurkan oleh universiti ialah perayaan integrasi budaya. Menurut Krisada Nunkliang dalam temu bual (13/01/11), menegaskan bahawa integrasi budaya merupakan suatu perkara yang amat penting dalam sesebuah masyarakat yang mempunyai pelbagai budaya. Hasil dari integrasi budaya ini banyak memberi kesan yang positif terhadap pendudukan khususnya di Selatan Thai. Kesan tersebut antaranya boleh memberi kefahaman secara mendalam tentang

kepelbagaiannya dalam sesebuah masyarakat, di samping ia merupakan alat atau cara penyelesaian masalah yang terbaik terhadap kesalahfahaman dalam pelaksanaan sesuatu upacara adat, budaya dan sebagainya.

Manakala daptan yang berada pada tahap sederhana merujuk kepada dua sikap responden iaitu perihal perbincangan antara penganut Islam dan Buddha dalam masa pembelajaran. Ini bermakna pelajar kurang memberi ruang untuk menerima segala hal yang dikemukakan oleh penganut agama lain. Keadaan demikian berlaku mungkin disebabkan oleh faktor konflik yang mempengaruhi sikap dan pandangan pelajar seperti mana yang telah ditegaskan oleh Tanaphong Chairi dan Wararat Khammanee dalam temu bual bahawa fenomena konflik di Selatan Thai mempengaruhi sikap dan pandangan pelajar terutamanya di kalangan penganut Buddha, mereka mempunyai perasaan takut dan tidak yakin atas keselamatan hidup.

Selain itu, daptan berada pada tahap sederhana ini berlaku mungkin merujuk kepada fiqah persaudaraan, berjiran dan berkawan dengan rakan yang berbeza agama, sebagai mana yang telah dinyatakan oleh syariat Islam tentang beberapa sikap dan pergaulan yang telah diharamkan seperti berikut:

1. Tinggal serumah dengan kawan yang bukan Islam. Secara dasarnya Islam tidak menghalang seseorang Muslim tinggal serumah dengan kawan yang bukan Islam. Akan tetapi, jika seorang Muslim terpengaruh dengan kawan yang bukan Islam sehingga terikut-ikut dengan gaya hidup mereka seperti meniru gaya pakaian yang tidak menutup aurat atau meminum minuman keras maka keadaan sebegini akan menjadikan hukum tinggal serumah dengan kawan yang bukan Islam berubah daripada harus kepada haram (Mohammad Nidzam 2009: 28-29).
2. Jamuan makan di rumah non-Muslim. Pada asalnya menghadiri jamuan orang bukan Islam adalah harus tetapi ia bergantung kepada keadaan majlis, makanan yang dihidangkan dan pergaulan dalam majlis itu. Sekiranya suasana di dalam majlis tersebut bercanggah dengan syariat Islam maka hukumnya berubah menjadi haram (Mohammad Nidzam 2009: 38-39).
3. Berkongsi menyambut perayaan non-Muslim. Dalam ajaran Islam, setiap Muslim tidak boleh redha dan rela dengan agama lain. Maksudnya, jangan sesekali berpegang bahawa semua agama sama sahaja kerana kononnya semua agama menyuruh kepada kebaikan. Sebaliknya setiap Muslim harus sedar bahawa hanya Islam sahaja agama yang direhui oleh Allah s.w.t. (Mohammad Nidzam 2009:2).

Menurut Sabri (2004), sesungguhnya Islam diberi kebebasan untuk memilih agama serta beramal dengan adat resam dan peraturan-peraturan yang telah diwarisi dari keluarga mereka asalkan tidak mengganggu kepentingan umum. Sekiranya wujud perbincangan dengan penganut agama lain, maka ia hendaklah dilakukan dengan cara yang baik.

Sementara menurut Imam Munawwir, akal fikiran manusia tidak boleh dinilai secara mutlak kerana masing-masing memiliki peringkat kecerdasan yang berbeza. Justeru, dalam mempertemukan pendapat-pendapat ini harus mempunyai hujjah yang boleh menyelami jiwa dan akal fikirannya. Pada masa yang sama, Islam juga mengajar umatnya agar selalu memberi ruang untuk menerima fikrah atau pandangan orang lain (Imam Munawwir t. th. 103).

Sikap kedua yang berada pada tahap sederhana ialah sikap seorang responden terhadap usaha mempelajari bahan-bahan yang boleh menjadi panduan dalam hidup bergaul dengan penganut agama lain. Daptan tersebut menggambarkan bahawa pelajar tidak mempunyai kesedaran dalam

usaha untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang penuh harmoni. Mereka masing-masing hidup dan hanya mempelajari bahan-bahan yang berkaitan dengan pengajian di dalam kelas sahaja.

Secara keseluruhannya, sikap terhadap toleransi beragama merupakan suatu sikap yang perlu diberi perhatian terutama di kalangan pelajar, kerana golongan ini merupakan penentu masyarakat pada masa hadapan. Sekiranya berjaya menanamkan kesedaran toleransi dan dapat menginterpretasi dengan cara yang betul, maka tetap wujudnya keharmonian dan ketenteraman dalam hidup bermasyarakat pada masa hadapan. Akan tetapi, sekiranya gagal dalam usaha memahami serta menghayati sikap terhadap toleransi beragama ini, maka mungkin kesalahfahaman ataupun pertelingkahan boleh muncul dan akan menjadi suatu yang biasa dalam kehidupan seharian.

RUMUSAN HASIL KESELURUHAN KAJIAN

Sikap terhadap toleransi beragama di kalangan pelajar berada pada tahap tinggi dengan mencapai 80 peratus, manakala 20 peratus berada pada tahap sederhana. Ini bermakna masih terdapat sebahagian kecil di kalangan pelajar yang kurang menghayati nilai-nilai toleransi dengan sepenuhnya. Dapatkan kajian ini, menggambarkan bahawa sikap terhadap toleransi beragama di kalangan pelajar antara penganut Islam dan penganut Buddha secara umumnya memberi kesan yang baik terhadap proses pembentukan sesebuah komuniti yang penuh dengan toleransi beragama.

Secara keseluruhan, dapat difahamkan bahawa perpaduan antara kaum di dalam masyarakat majmuk tidak akan tercapai tanpa wujudnya perasaan hormat menghormati, persefahaman dan toleransi antara masyarakat dan anggotanya maka selagi itulah perasaan curiga mengcurigai akan tetap ada dan boleh menimbulkan perselisihan. Masyarakat juga harus lebih berhati-hati kerana semangat toleransi ini akan hidup sekiranya perkara-perkara sensitif tidak sentiasa diungkit dan diperbahaskan.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim
- Abdul Rahman Rukaini. 2001. *Siri Teras Ulum Islamiah: Akhlak Membangun Jati Diri*. Kajang: Synergymate Sdn. Bhd.
- Ahmad Sunawari Long. 2011. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Gema Alam Enterprise.
- Ainon Kuntom. 2003. *Agama Asas Perpaduan*. Dlm. Jaffary Awang, Mohd Nasir Omar, Muda @ Ismail Ab. Rahman (pnyt.). *Agama dan Perpaduan Kaum di Malaysia*, hlm. 19-27. Kuala Lumpur: Marindo Printers Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw. 2008. *Asas Statistik Penyelidikan Buku 3: Analisis Data Skala Ordinal dan Skala Nominal*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Dearana Morshidi. 2010. *Hubungan Ibadat Solat Fardu dan Penghayatan Akhlak Pelajar: Kajian di Bahagian Miri, Sarawak*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faiz Awae. 2009. *Bahasa Melayu Patani Dalam Kalangan Mahasiswa/I Melayu Dari Tiga Wilayah Selatan Thai: Pemeliharaan dan Penyisihan*. Disertasi Sarjana, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Imam Munawwir. t.th. *Sikap Islam Terhadap Kekerasan, Damai, Toleransi dan Solidaritas*. Kuala Lumpur: Penamas Sdn. Bhd.

- Jaffary Awang, Muda Ismail Ab Rahman, Rofizah Mohammad Muhammad Noor, Arena Che kasim, Tengku Ghani Tengku Jusoh & Mohammad Khatim Hasan. 2007. *Toleransi Beragama di Kalangan pelajar IPTA: Kajian Kes di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak*. Jurnal majlis Islam Sarawak:97-110.
- Mohammad Nidzam Abd.Kadir. 2009. *Fiqah Berinteraksi dengan Non-Muslim: Kaedah bergaul dengan rakan, jiran dan keluarga bukan Islam tanpa mengabaikan syariat*. Shah Alam: Dasar Cetak (M) Sdn. Bhd.
- Mohd Nasir Omar 2003. *Umpat, Fitnah Dan Isu Perpaduan Kaum Di Malaysia*. Dlm. Jaffary Awang, Mohd Nasir Omar, Muda @ Ismail Ab. Rahman (pnyt.).Agama dan Perpaduan Kaum di Malaysia, hlm. 195-212. Kuala Limpur: Marindo Printers Sdn. Bhd.
- Norasmah Othman. 2002. *Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja di Sekolah Menengah*. Tesis PHD, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Qutb, Sayyid. 1980. *Al-Salam al-Alami wa al-Islam*. Al-Qahirah: Darul al-Sharq.
- Qutb, Sayyid. 2007. *Islam: Kesejahteraan untuk Seluruh manusia*. Terj. Kuala Lumpur: Power Press & Design (M) Sdn Bhd.
- Sabri, Aqramah,.2004. *Al-Tasamuh al-Islami bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq min nusus al-Kitab wa al-Sunnah*. Dlm. Mahmud Hamdi Zaqzuq (pnyt.). Al-Tasamuh fi al-Hadharah al-Islamiyyah, hlm. 141-149. Cairo: t.tp.